

Beberapa sifat fizik dan mekanik batuan granit berbutir sederhana sehingga kasar Bukit Fraser

MOHAMMAD HAZLAN MARJANI, UMAR HAMZAH & ABDUL GHANI RAFEK
PROGRAM GEOLOGI, PUSAT PENGAJIAN SAINS SEKITARAN & SUMBER ALAM, FAKULTI SAINS & TEKNOLOGI,
UKM

Abstrak: 74 sampel batuan granit berbutir sederhana sehingga kasar daripada Bukit Fraser telah dikumpulkan dari 18 daripada 22 lokaliti di sepanjang singkapan jalan gap baru. Sampel-sampel teras silinder telah disediakan daripada sampel lapangan tersebut untuk menjalani ujian halaju sonik dan mekanik setelah pengukuran beberapa sifat fizik. Ketumpatan kering berjulat antara 2.4g/cm²-2.7 g/cm². Pengukuran makmal menunjukkan halaju denyut ultrasonik untuk gelombang mampatan (P) dan ricih (S) adalah meluas antara 3228m/s sehingga 6000m/s dan 1700m/s sehingga 3400m/s. Ujian kekerasan skleroskop menunjukkan bacaan mod purata sekitar 70-74. Manakala ujian indeks beban titik pula adalah sekitar 0.5-9MPa. Ujian regangan pula menunjukkan bacaan 3-10MPa. Semua sampel batuan yang digunakan dalam ujian adalah segar sehingga terluluhawa iaitu bergred I sehingga III.